

17 FEB 2003

PERDANA MENTERI SAKSI RAPTAI JAMUAN MALAM KETUA NEGARA SIDANG NAM

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meluangkan masa meninjau raptai penuh jamuan malam ketua kerajaan/negara Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Hotel Palace of Golden Horses di Seri Kembangan dekat sini.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba pada kira-kira pukul 8 malam dan disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar serta isteri.

Dr Mahathir kemudian mengambil tempat di hadapan pintu masuk dewan utama dan "menyambut" kesemua perwakilan.

Beliau dan isteri selepas itu masuk ke dalam dewan untuk meninjau raptai penuh jamuan itu.

Majlis itu akan diadakan pada 24 Feb sempena Sidang Kemuncak NAM ke-13.

Pagi tadi, Perdana Menteri dan isteri meninjau raptai pembukaan rasmi sidang kemuncak itu di Pusat Dagangan Dunia Putra.

-- BERNAMA

AZH JM MOZ